


SELANGOR



PENGGUNA jalan raya di Jalan Sungai Rasau, Padang Jawa meredah air ketika pulang dari kerja selepas kawasan tersebut dinaiki air dalam kejadian banjir kilat di Shah Alam, semalam.



PENDUDUK mengharungi banjir kilat akibat hujan lebat di Kampung Belukar, Changlun.

TENGGUJUH BERTANDANG

PERAK

GUSAR BANJIR BESAR

■ Paras air empangan Bukit Merah meningkat cecah paras tebing

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauz
am@hmetro.com.my
Kerian

Kekerapan hujan di daerah ini menimbulkan rasa bimbang dalam kalangan penduduk setempat terutama yang pernah dilanda banjir besar pada 2008 lalu.

Kebimbangan penduduk semakin bertambah apabila paras air di empangan Bukit Merah meningkat naik hingga hampir mencecah ke tebing.

Beberapa penduduk yang ditemui meluahkan rasa gusar mereka dan berada dalam keadaan berjaga-jaga kerana

bimbang paras air empangan Bukit Merah melimpah.

Penduduk kampung Ismail Ahmad, 55, berkata, dia bimbang sekiranya tragedi 2008 berulang apabila keseluruhan rumahnya ditenggelami air.

Menurutnya, pihak kerajaan kini melaksanakan projek tebatan banjir di Alor Pongsu, di sini, namun projek terbabit masih dalam pembinaan.

“Sememangnya projek tebatan banjir yang dibuat sekarang untuk mengelakkan tragedi 2008 berulang.

“Namun dalam keadaan hujan lebat hampir setiap hari ditambah keadaan air di empangan Bukit Merah yang makin

meningkat sudah tentu penduduk bimbang. Kami berharap pihak berwajib menyegerakan projek ini demi keselamatan penduduk,” katanya.

Menurutnya lagi, walaupun masih tiada sebarang tanda amaran dikeluarkan pihak berwajib, dia dan penduduk tetap berwaspada dan dalam keadaan berjaga-jaga.

Sementara itu, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian Ir Hasmi Mat ketika ditemui berkata, sememangnya isi padu air di empangan Bukit Merah sedikit meningkat, namun masih pada tahap terkawal.

Menurutnya, kedalaman air

sehingga kini mencecah sembilan meter dalam dan pihak JPS mempunyai cara tersendiri mengawal air berkenaan agar tidak melimpah ke penempatan penduduk.

“Sememangnya berlaku sedikit peningkatan terhadap kuantiti air di dalam kolam itu namun penduduk tidak perlu bimbang kerana ia berada di bawah paras amaran.

“Kami memeriksa jumlah kepadatan air di kolam setiap hari dan segera melepaskan air berlebihan ke Sungai Kurau sebagai inisiatif bagi mengelakkan berlaku limpahan air ke penempatan penduduk,” katanya.

**“Penduduk tidak perlu bimbang kerana ia berada di bawah paras amaran”
Hasmi Mat**

